

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)6

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

6. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang bersiap untuk menjadi negeri mesra warga emas menjelang tahun 2028. Dengan kenaikan jumlah warga emas, adakah kerajaan bercadang memperkenalkan inisiatif kewangan baru seperti bantuan bulanan kepada warga emas terutamanya yang hidup sebatang kara untuk membantu kos saraan hidup? Mohon penjelasan.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat memahami kepentingan untuk bersiap sedia dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri mesra warga emas menjelang tahun 2028. Seiring dengan peningkatan jumlah warga emas, Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan aspek kestabilan bantuan pendapatan dan sokongan kepada golongan ini.

Bagi membantu warga emas yang tiada sumber pendapatan untuk menyara hidup, tidak mempunyai keluarga, atau mempunyai keluarga yang tidak berkemampuan untuk memberi sumbangan,

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan bulanan sebanyak RM500 kepada warga emas yang layak.

Manakala, bagi warga emas yang tidak mempunyai waris atau menghadapi isu penjagaan, pihak JKM turut menguruskan permohonan perkhidmatan institusi kebajikan seperti Rumah Sri Kenangan, yang menyediakan perlindungan dan penjagaan khusus untuk warga emas yang memerlukan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil beberapa langkah untuk menggiatkan penglibatan warga emas yang sihat dan aktif dalam tenaga kerja melalui beberapa projek atau program yang dibuka di bawah Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia yang bukan sahaja membawa manfaat kepada warga tua dari segi kewangan, tetapi juga secara fizikal, mental dan emosi, antaranya adalah:-

- (a) Program Pembersihan Tandas Awam (di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)). 8 Tandas Awam dikenal pasti sekitar Pulau Pinang (Pulau).
- (b) Kontrak Perkhidmatan Komuniti dianugerahkan kepada penduduk di projek perumahan awam bagi tujuan pembersihan

dan keselamatan, (sekurang-kurangnya 75% peluang pekerjaan dalam bidang pembersihan dan keselamatan diberikan kepada warga emas).

- (c) Projek Pertanian Bandar di Lebuh raya Rose. Warga emas mengurus, memantau dan mengusahakan kebun tersebut.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk terus memperkukuh usaha ini demi memastikan kebajikan dan kesejahteraan warga emas sentiasa terbela.